


Perdana

Teks: Jamil Hashim

WALAU
PUN
SETELAH
50 TAHUN

PEMERGIANNYA
MENGHADAP ILAHI,
TETAPI NAMA DAN
KEMASYHURAN
SENIMAN
AGUNG NEGARA,
ALLAHYARHAM
TAN SRI P. RAMLEE
TETAP HARUM DAN
TERSERLAH DI PERSADA
SENI MELALUI KARYA
FILEM LAKONAN DAN
ARAHANNYA, SERTA
LAGU CIPTAAN DAN
DENDANGANNYA.



Melalui kesempatan menonton filem arahan dan lakonan P. Ramlee yang disiarkan berulang kali melalui pelbagai saluran televisyen dan media sosial hingga kini, penonton yang sezaman dengan usianya serta generasi kini tetap mengagap kehebatan P. Ramlee sukar dicari ganti. Filem komedi, seperti *Nasib*

Si Labu Labi, Nujum Pak Belalang, Tiga Abdul, Bujang Lapuk, Ali Baba Bujang Lapuk, Seniman Bujang Lapuk, Pendekar Bujang Lapuk, Do Re Mi, Nasib Do Re Mi, Laksamana Do Re Mi, dan Madu Tiga masih menghiburkan dan segar dalam ingatan kita.

Penggunaan nama watak dan nama tempat dalam filemnya,

50 Tahun Pemergian P. Ramlee

*Karya yang Terus Terserlah
dan Dikagumi*

seperti negara Isketambola dan Kampung Pasir Berdengung, serta penyampaian dialog “*Lubang hidungmu tetap menjadi pujaan hatiku*” dalam *Seniman Bujang Lapuk* misalnya, menjadi ingatan dalam kalangan masyarakat hingga kini. Selain itu, lagu-lagu ciptaan P. Ramlee yang menampilkan irama dan lirik dengan gaya penyampaian memikat hati turut menjadi siulan anak muda sejak dahulu hingga kini, malah masih dimainkan di corong radio, terutamanya Radio Malaysia Klasik Nasional dan sesekali di stesen radio lain.

Pemergian P. Ramlee pada 29 Mei 1973 meninggalkan khazanah karya yang tidak ternilai untuk bidang seni dan perfileman tanah air. Tiada siapa menduga sebagai anak

kampung dengan nama asalnya, Teuku Zakaria Teuku Nyak Puteh, berupaya menjadi seniman agung negara. Beliau yang dilahirkan pada 22 Mac 1929 itu mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Kampung Jawa Pulau Pinang, kemudiannya Sekolah Franchis Light dan Penang Free. P. Ramlee memulakan minat seninya dengan belajar muzik bersama teman-teman dan menubuhkan kumpulan “Teruna Sekampung” dengan dirinya bermain biola dan menyanyi ketika mengadakan persembahan.

Pada tahun 1945, P. Ramlee menguji kebolehan nyanyian beliau dengan menyertai pertandingan menyanyi anjuran stesen Radio Malaya di Pulau Pinang dan

memenangi tempat ketiga. Setelah berjaya, beliau terus aktif menyanyi dan mengasah bakatnya dalam persembahan keroncong pada tahun 1948, seterusnya dikesan oleh B.S. Rajhan, seorang pengarah yang bekerja dengan Show Brothers. Pada tahun 1949, P. Ramlee melangkah keluar dari kampungnya untuk ke Singapura bagi memenuhi pelawaan Rajhan yang mengundang beliau menyertai Malay Film Productions sebagai penyanyi latar.

Berbekalkan biola yang dibawanya, P. Ramlee menghadiri uji bakat di studio Jalan Ampas, Singapura dengan menyanyikan lagu ciptaan pertama beliau, iaitu *Azizah*. Dari situlah bakat dan kerjaya seninya terus berkembang apabila diberi peluang melakonan watak jahat dalam filem *Cinta* (1948) dan menyumbangkan suara sebagai penyanyi latar untuk filem *Nasib* pada tahun yang sama, serta *Nilam* (1949), sebelum diberikan peranan utama dalam

filem *Bakti dan Takdir Ilahi* (1950).

Suaranya yang merdu sebagai penyanyi latar itu turut mendapat perhatian sebuah syarikat rakaman di Singapura, dan kemudian memberi beliau kesempatan menyanyi bersama-sama Orkestra His Master's Voice di bawah bimbingan pengarah muzik, Yusoff B, yang turut disiarkan melalui Radio Malaya. Kebolehan dan kesungguhan P. Ramlee mencipta, menggubah dan menyanyikan lagu ciptaannya sendiri menjadi aset berharga sebagai insan serba boleh yang sekali gus memberi makna dalam mengangkat karya-karya lakonan dan filem arahnya.

Menurut Hamzah Hussein, rakan P. Ramlee yang banyak menghasilkan skrip filem, P. Ramlee seorang yang tekun, dedikasi dan gemar memerhati. Sifat tekun inilah yang diterapkan dalam filem, sama ada yang dilakukan atau menjadi pengarah yang kesemuanya berjumlah 66 filem. Antaranya termasuklah *Sejoli dan Juwita* (1951), *Antara Senyum dan Tangis* (1952), *Hujan Panas* (1953), *Panggilan Pulau* (1954), *Abu Hassan Pencuri* (1955), *Anakku Sazali* (1956), *Antara Dua Darjat* (1960) dan *Masam-masam Manis* (1965).

Filem arahan yang turut dilakukan oleh beliau sendiri ialah *Penarik Beca* (1955), *Panca Delima* (1957),





Profesor Dr. Hatta Azad Khan.



P. Ramlee berbakat dalam nyanyian dan bermain alat muzik.

RAGAM P. RAMLEE



Filem arahan dan lakonan P. Ramlee terus diingati hingga kini.

Pemergian P. Ramlee pada 29 Mei 1973 meninggalkan khazanah karya yang tidak ternilai untuk bidang seni dan perfileman tanah air. Tiada siapa menduga sebagai anak kampung dengan nama asalnya, Teuku Zakaria Teuku Nyak Puteh, berupaya menjadi seniman agung negara.

siri filem *Bujang Lapok* (1957–1961), *Sarjan Hassan* (1958), *Antara Dua Darjat* (1960), *Ibu Mertuaku* (1962), *Madu Tiga* dan *Tiga Abdul* (1964), *Jangan Tinggal Daku* (1971), *Madu Tiga*, dan yang terakhir *Laksamana Do Re Mi* (1972) bersama-sama Studio Merdeka.

Kegemaran P. Ramlee yang sengaja dilakukan secara sadar dalam filem beliau ialah gemar menyelitkan tabiat dan kelemahan masyarakat dalam kehidupan harian melalui cerita bercorak jenaka sebagai suatu kritikan sosial. Walaupun penonton geli hati melihat adegan dan mendengar dialog pelakon, tetapi sebenarnya mereka ketawa melihat kekurangan, kelemahan, kecuaiian dan sikap buruk yang ada pada diri sendiri. Kritikan itu lebih ketara pada cerita yang menggambarkan perbezaan taraf hidup dengan pandangan orang kaya terhadap orang miskin,

seperti dalam *Penarik Beca*, *Antara Dua Darjat*, *Tiga Abdul* dan *Ibu Mertuaku*.

P. Ramlee sering diperkatakan sebagai seniman berbakat yang serba boleh dalam menulis skrip, berlakon, mengarah dan menyunting. Walaupun begitu, ramai yang tidak menyedari bahawa P. Ramlee turut berkebolehan menyatupadukan kerja seni dengan kerja teknikal. Memang

benar, dalam proses pembikinan filem, hasil seni tidak akan lahir tanpa wujudnya kerja seni teknikal yang menjadikan mereka intim dan kreatif untuk menghasilkan suatu karya yang terbaik.

Sebagai pengarah, kebolehan menggemblengkan semua bakat dan kerja kru itu sememangnya kepakaran P. Ramlee, terutama bagi menghasilkan babak-babak yang sukar dan mencabar yang menuntut kesabaran dan daya kreatif yang tinggi dalam mengendalikan peralatan secara manual pada era 1950-an hingga 1960-an. Sebagai hasilnya, filem beliau memberi kesan terhadap masyarakat.

Keupayaan mengarah dan kehebatan lakonannya yang turut terjelma melalui karyanya juga yang



Muhammad Hashim, penyelidik filem dan lagu Melayu.



melayakkan beliau menerima pelbagai anugerah dan penghargaan daripada pelbagai pihak yang menganjurkan festival filem pada peringkat antarabangsa. Antaranya termasuklah anugerah bagi Pelakon Lelaki Terbaik di Festival Filem Asia Pasifik ke-4 dan Bakat Paling Pelbagai di Festival Filem Asia Pasifik ke-10, Tokyo. Setelah lebih daripada dua dekad terlibat dalam bidang perfileman sebagai pelakon dan pengarah yang menempuh pelbagai cabaran, termasuk daripada syarikat pengeluar, P. Ramlee sememangnya mempunyai hasrat untuk memajukan bidang seni ini dengan tidak mengabaikan kebajikan para pekerja filem.

Atas keinginan itu, beliau bersama-sama H.M. Shah dan tiga orang rakan mengambil inisiatif menubuhkan Perusahaan

Filem Malaysia (PERFIMA) yang bertujuan untuk memajukan industri perfileman tanah air. Walau bagaimanapun pada akhir bulan Februari 1973, P. Ramlee dan H.M. Shah dipecat daripada PERFIMA berikutan perbezaan pandangan dengan pucuk kepimpinan. Sebelum kematiannya, P. Ramlee menyatakan hasrat untuk menubuhkan syarikat perfileman sendiri pada suatu hari nanti untuk bersaing dengan Shaw Brothers. Hasratnya itu tidak kesampaian berikutan kematiannya pada usia 44 tahun.

“P. Ramlee lahir untuk bangsanya, tetapi malang kerana ada segelintir yang tidak tahu menghargai anugerah itu. Mereka menyatakan bahawa berminat dengannya, tetapi tidak pun berusaha untuk mengejanya

semasa di hadapan mata untuk memperoleh sesuatu yang amat berharga, tetapi bermati-matian berusaha mencarinya setelah kematiannya”, ujar Muhammad Hashim, seorang penyelidik filem dan lagu Melayu yang banyak menyumbangkan hasil penyelidikannya untuk Radio Malaysia Klasik Nasional di Radio Televisyen Malaysia.

Melalui forum yang membicarakan tentang P. Ramlee yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia pada suatu waktu dahulu, ahli panelnya Dr. Hatta Azad Khan menyuarakan pendapat bahawa dalam keghairahan mengangkat martabat karya P. Ramlee, para seniman lain yang turut bersama-sama membantu menjayakan filem dan lagu beliau juga tidak harus dipinggirkan kerana mereka juga memainkan peranan penting yang menonjolkan ketokohnya atas semangat bekerja sebagai suatu pasukan. Anugerah bakat istimewa, ketekunan, dedikasi, kesungguhan dan budaya kerja P. Ramlee perlu dicontohi oleh para karyawan pada masa ini. Hal ini disertai dengan usaha memperbaiki diri dengan memanfaatkan pelbagai peralatan perfileman yang lebih canggih berbanding dengan era P. Ramlee. ^{DB}

Sebagai pengarah, kebolehan menggembelngkan semua bakat dan kerja kru itu sememangnya kepakaran P. Ramlee, terutama bagi menghasilkan babak-babak yang sukar dan mencabar yang menuntut kesabaran dan daya kreatif yang tinggi dalam mengendalikan peralatan secara manual pada era 1950-an hingga 1960-an. Sebagai hasilnya, filem beliau memberi kesan terhadap masyarakat.